

ADUN perlu ketengah masalah rakyat

BH 20.6.13 2

Kota Kinabalu: Seramai 13 Ahli Parlimen Sabah dan Sarawak dalam Kabinet perlu memainkan peranan sewajarnya menyuarakan masalah rakyat di dua negeri berkenaan.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Dr Jeniri Amir, berkata ini kerana masih wujud masalah kemiskinan dan infrastruktur yang belum sempurna di Sabah dan Sarawak.

"Mereka perlu memainkan peranan dengan menyuarakan cadangan masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian pada Wacana Ilmu bertajuk Pasca 5 Mei anjuran Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini, semalam.

Wacana itu dirasmikan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Dua lagi ahli panel ialah Pendaftar UMS, Datuk Abdulrahman Mohd Said dan Naib Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Awang Buthamam Awang Mahmun, manakala Presiden Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) UMS, No'man Ahmad, bertindak sebagai moderator.

Jeniri juga berkata, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) su-



Dr Mohd Harun (empat dari kiri) bersama Abdullah (tiga dari kiri) Jeniri (kiri) dan Abang Buthamam (tiga dari kanan) pada Wacana Ilmu Pasca 5 Mei di DBP semalam.

[FOTO LANI LAN/BH]

dah melakukan pelbagai transformasi termasuk menyalurkan peruntukan tinggi bagi memastikan Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) berjalan lancar dan telus, dan harus dihargai pelbagai pihak.

Bantah keputusan PRU-13
"Pembangkang membantah keputusan PRU-13 kerana terlalu yakin untuk menang termasuk (Penasihat PKR) Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang menulis di twitter mereka sudah menang walaupun keputusan

sebaliknya," katanya.

Sementara itu, Awang Buthamam berkata, kerajaan wajar memberikan 'hadiyah' lebih besar kepada penduduk luar bandar di Sabah dan Sarawak yang masih dahagakan pembangunan terutama berkaitan infrastruktur dan peningkatan sosio ekonomi.

Bentuk kerajaan

Katanya, ia berikutan keputusan PRU-13 yang menunjukkan kebanyakan kawasan luar bandar di dua negeri itu me-

nyokong Barisan Nasional (BN) yang membolehkan parti itu membentuk semula Kerajaan Persekutuan.

Beliau yang juga Yang Dipertua DPMM Sabah, berkata sokongan kuat itu harus memberi justifikasi kepada kerajaan untuk memberikan 'hadiyah' lebih besar untuk kawasan luar bandar dalam bentuk peruntukan lebih tinggi bagi melaksanakan pelbagai projek naik taraf kemudahan asas, setaraf dinikmati penduduk bandar.